

# Mahathir: Sistem kelas tidak wujud di Malaysia

UM 10 NOV 1981

**K**UALA LUMPUR 9 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa sistem kelas dari segi kerakyatan tidak wujud di Malaysia sekalipun negara ini mempunyai rakyat yang berbilang kaum.

"Apa yang wujud cuma rakyat yang kaya dan rakyat yang miskin sahaja tetapi mereka tetap tergo- long dari rakyat satu kelas sahaja," kata Perdana Menteri.

Ini, tambah beliau adalah jauh berbeza dengan setengah-setengah negara lain yang sekalipun mendakwa diri mereka demokratik tetapi tetap mengamalkan sistem membeza-bezakan rakyatnya sendiri.

Berucap dalam majlis jamuan teh yang dianjurkan oleh masyarakat Sikh sebagai meraikan beliau di sebuah hotel terkemuka di sini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru seluruh rakyat negara ini supaya menginsafi hakikat tersebut.

Beliau lalu menyebut sebagai contohnya terdapat sebuah negara asing yang menyelarakan rakyatnya sendiri dalam tiga kelas:

Katanya, "di Malaysia perlara seumpama itu tidak berlaku dan kerajaan sentiasa berpegang kepada

segala kata-katanya."

Dalam hubungan ini beliau memberi jaminan kerajaan akan terus menumpukan bantuannya kepada golongan miskin kerana golongan kaya "dapat menjaga diri mereka sendiri."

Sejajar dengan ini Perdana Menteri mahu setiap kaum di negara ini memahami dan menginsafi masalah-masalah yang wujud di antara kaum masing-masing.

Beliau berpendapat hanya melalui cara ini perasaan iri hati antara kaum dapat disisihkan apabila kerajaan memberi bantuan yang lebih kepada satu kaum lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengakui kerajaan menyedari bahawa setiap kaum di negara ini mempunyai masalah masing-masing.

"Oleh itu adalah menjadi perkara biasa dalam usaha kerajaan membantu menyelesaikan masalah satu kaum kadangkala akan menimbulkan rasa tidak senang hati pada kaum-kaum lain," katanya.

Beliau mengingatkan semua kaum bahawa perkara seumpama itu bukan disengajakan "tetapi adalah sebahagian dari tugas kerajaan dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah yang wujud."

Perdana Menteri juga mengulangi seruannya supaya melipatgandakan usaha dan bekerja keras untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang kukuh.

Katanya, "sekalipun mungkin generasi seka- rang tidak melihat pen- capaian matlamat itu te- tapi ia sudah pasti akan dinikmati oleh generasi akan datang.

Sementara itu Presid- en Pertubuhan Belia Sikh Malaysia, Encik Hacha- ran Singh dalam ucapan- nya menyuarakan so- kongan penuh kepada kerajaan pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga menghargai sikap kerajaan yang terus menegaskan prinsip-prinsip hak asasi manusia dan kebebasan beragama di negara ini.

Lebih kurang 800 orang keturunan Sikh dari seluruh negara telah menghadiri majlis terse- but.